

## PERTANDINGAN IDEA KREATIF VETERINAR 2011

### 1. JUN : Bebas

#### 1.1 **Menggunakan emel untuk memo antara bahagian.**

Surat yang dilampirkan boleh disimpan terus dalam komputer pegawai. Hanya 1 *hard copy* dibuat untuk fail bahagian.

*Noor Rahim bin Sharif, RO, IPPV*

*Mohamad Shahiffei bin Masri, PT/PO, IPPV*

#### 1.2 **Kawal lalat di reban ayam menggunakan alat elektrik.**

Peralatan tersebut dipasang di sekeliling reban untuk mengelakkan aduan lalat berulang.

*Mohd Hallmy bin Mohd Jamhari*

*VA, PPVD Batu Pahat*

#### 1.3 **Penyediaan prasarana dan kemudahan kepada golongan orang kurang upaya (OKU) di JPV**

Antara penyediaan yang dicadangkan:

- i) Lif yang mempunyai butang khas penggunaan golongan OKU
- ii) Tempat letak kereta khas dan kemudahan laluan kerusi roda ke kaunter bagi memudahkan warga OKU berurusan dengan pihak Jabatan
- iii) *Pavement* yang boleh menghubungkan golongan tersebut dengan mudah ke setiap ruang pejabat
- iv) *Ramp/railing* perlu disediakan mengikut kesesuaian tempat
- v) Sekiranya terdapat anak tangga perlu disediakan susur tangan
- vi) Saiz pintu perlu bersesuaian untuk kemudahan golongan OKU
- vii) Perlu menyediakan tangga kecemasan yang mesra OKU (tidak licin, perlu ada susur tangan dengan rekabentuk yang tidak mendatangkan bahaya)
- viii) *Braille Paver*: Di bina merentasi permukaan jalan tar sebagai lauan khas OKU (cacat penglihatan). Laluan ini membolehkan mereka bergerak lebih cepat dan yakin.
- ix) Laluan refleksologi: Dibina bersebelahan laluan jalan kaki "*Braille paver*"

- x) Kaunter rendah bagi memudahkan golongan OKU berurusan di pejabat
- xi) Peralatan pejabat termasuk komputer, printer, mesin *Braille* serta alat komunikasi yang mesra OKU
- xii) Tandas OKU mempunyai pintu utama dan pintu bilik air yang lebih lebar, dibuka secara sliding. Bilik air dibina didalam – dilengkapi tempat duduk untuk mandi, shower dan railing

*Marlina binti Mohammad Ibrahim*  
PT/PO, IPPV

1.4 **Penghasilan makanan bagi ternakan ayam berasakan ubi**

Menggunakan ubi kayu, ubi keledek, labu dan sebagainya untuk mengurangkan kebergantungan import makanan ayam sedia ada.

*Noor Syalihah binti Sidek*  
PTD, IPPV

1.5 **Penghasilan aiskrim susu kambing**

*Noor Syalihah binti Sidek*  
PTD, IPPV

1.6 **Penghasilan nugget daging kambing**

*Noor Syalihah binti Sidek*  
PTD, IPPV

1.7 **Penghasilan dan pengkomersialan susu kambing sebagai susu formula** Menggantikan susu lembu di pasaran.

*Noor Syalihah binti Sidek*  
PTD, IPPV

## 2. JULAI : Bebas

### 2.1 **Penyediaan kandang haiwan bertingkat**

Diperbuat daripada plastik yang mudah dipasang dan dicabut serta mudah dialihkan.

*Mohamad Shahiffei bin Masri  
PT/PO, IPPV*

### 2.2 **Penggunaan sistem saliran menggunakan paip berteknologi tinggi** Terdapat satu ruang bagi memproses najis haiwan dan menukarkannya kepada bahan bukan tercemar.

*Mohamad Shahiffei bin Masri  
PT/PO, IPPV*

### 2.3 **Grass pellet (pellet rumput) untuk ternakan**

Gunakan mesin rumput untuk *pellet* rumput-rumput yang berlebihan di ladang dan di kawasan luar (*grazing reserve*) dan ia boleh dijual kepada penternak yang menghadapi masalah kekurangan rumput.

*Mahendran A/L E. Rasiah  
AVO, IPPV*

## 3. SEPTEMBER : Peraturan Untuk Membangunkan Industri Ternakan Ruminan

### 3.1 **Penyelarasan harga makanan ternakan**

Membuat satu ketetapan atau penegasan tidak kira sama ada pihak Jabatan ataupun pihak lain supaya harga makanan ternakan dapat diselaraskan supaya penternak tidak menanggung kos yang ketara dan membebankan.

*Shawirawan bin Ghazali  
VA, PPVD Jelevu*

### 3.2 **Memperbaiki kelemahan-kelemahan terhadap bantuan yang diberi kepada penternak seperti TRUST, DJBM atau PINTAF.**

Antaranya:

- i) Pemilihan ternakan dilapangan untuk skim bantuan TRUST dan DJBM dibawah peruntukan kerajaan persekutuan perlu melibatkan pegawai teknikal dari negeri supaya ternakan dapat dinilai dan dipilih mengikut spesifikasi.
- ii) Penghantaran ternakan bantuan TRUST atau DJBM ke negeri-negeri perlu dimaklumkan kerana ada kalanya JPV Negeri dan PPV Daerah tidak dimaklumkan tentang penghantaran ternakan bantuan dari Ibu Pejabat JPV. Sekiranya ternakan itu sudah dijangkiti penyakit, adalah sukar PPV Daerah untuk mengawal penyakit.
- ij) Stesyen Kuarantin Haiwan (swasta) perlu dipantau peranan mereka kerana setiap tahun pasti ada ternakan yang menunjukkan tanda-tanda klinikal FMD yang keluar dari stesyen-stesyen ini, walaupun dalam permit kebenaran masuk telah dinyatakan status vaksinasi dari stesyen-stesyen ini P2 atau P3.

*Shawirawan bin Ghazali*  
VA, PPVD Jelebu

### 3.3 **Memberi kemudahan makmal & pembantu makmal di JPV Negeri**

Dapat membantu mengurangkan kelewatan mendapat keputusan ujian. JPV Negeri selalunya bergantung kepada Institut Penyelidikan Veterinar Ipoh untuk ujian Brucellosis, Johnes, CLA manakala ujian FMD di Makmal Kota Bharu. Keputusan ujian mengambil masa 3 minggu menjadi punca kesukaran untuk mengawal dan membasmi penyakit. Kos menghantar sampel juga mahal.

*Shawirawan bin Ghazali*  
VA, PPVD Jelebu

### 3.4 **Pemantauan ke atas penternak yang diberi bantuan ternakan**

Tanpa pemantauan yang serius dikhuatiri pembaziran berlaku kerana tiada pemulangan ternakan semula kepada jabatan dan ia satu pelaburan yang merugikan.

Mewujudkan satu sistem perisian atau bank data yang dapat menyokong tugas-tugas pemantauan pegawai-pegawai di setiap negeri.

Antara maklumat-maklumat yang mungkin boleh disimpan adalah seperti:

- i) Nama penternak dan maklumat asas dan wajib seperti No IC etc
- ii) Jenis ternakan yang diberi bantuan
- iii) Bilangan ternakan yang diberi bantuan
- iv) Tarikh perjanjian dibuat
- v) Jangkaan tarikh pemulangan semula anak ternakan kepada Jabatan (\*\*)
- vi) Log atau catatan pegawai yang membuat pemantauan atau lawat siasat projek

Sistem ini dapat digunapakai secara *online* ke setiap negeri. Bahagian yang terlibat di Ibu Pejabat juga boleh memantau ternakan yang diagihkan ke setiap negeri. Tanda (\*\*) ini dapat membantu Ibu Pejabat mengetahui bahawa pada sekian tarikh pemulangan anak ternakan akan dipulangkan kepada Jabatan, berapakah kuantiti yang dipulangkan dan Bahagian Perancangan di Ibu Pejabat dapat membuat analisis atau perancangan berapakah perbelanjaan yang perlu diperuntukan untuk membeli ternakan dimasa akan datang. Di samping itu tiada kelewatan atau kesukaran mendapat laporan dari setiap negeri juga.

*Shawirawan bin Ghazali*  
VA, PPVD Jelebu

### 3.5 **Semua ternakan ruminan yang berada di kawasan 5km dari sempadan Malaysia/Thailand (Zon Penamparan) di buat penandaan sebagai pengenalan**

#### **Tujuan**

Ternakan yang diseludup masuk sempadan berisiko besar merebakkan penyakit yang akhirnya akan meningkatkan kos pengurusan yang tinggi dan tidak sepatutnya kepada pihak kerajaan. Dengan membuat penandaan di Zon Penamparan, pihak berkuasa boleh mengenalpasti dan membezakan antara ternakan tempatan dengan ternakan yang diseludup secara lebih berkesan.

### **Kaedah**

Semua ternakan ruminan di kawasan Zon Penamparan dibuat penandaan kekal oleh JPV melalui pemakaian peruntukan Seksyen 79 atau Seksyen 36, Akta Binatang 1953. Penandaan hendaklah dibuat secara percuma dan penguatkuasaannya bolehlah bermula selepas satu tempoh yang munasabah (enam bulan dari tarikh penguatkuasaan).

Melalui kaedah penguatkuasaan ini, ternakan di Zon Penamparan yang ditemui tidak mempunyai pengenalan boleh ditangkap dan ditahan untuk tindakan penguatkuasaan selanjutnya.

*Zaharinan bin Abd Aziz*  
*Peg. Penguatkuasa, IPPV*

### **3.6 Mengamal dan menerapkan aturan pelan pembiakbaik yang praktikal di semua ladang pembiak milik Jabatan dan juga membimbing para penternak mengamalkan perkara yang sama**

Pelan pembiakbaik yang praktikal merangkumi pengurusan rekod yang lengkap dan tepat bagi merancang pemilihan dan pengekalan induk dan dara pengganti yang terbaik serta mengasing singkir anak-anak penjantan dalam gerompok. Selain itu, amalan selang pembakaan menggunakan baka yang terpilih sahaja dapat membantu kesan heterosis dalam gerompok dan menghasilkan gerompok yang bermutu. Selang pembakaan ialah penjantan ditukar setiap 3 tahun bagi mengelakkan *inbreeding* dan disilih ganti antara baka terpilih. Penternak pula dikenalpasti dalam kelompok pembiak (*breeder*), penternak pengganda (*multiplier*) dan penternak komersial (untuk sembelih). Kesungguhan untuk menerapkan pelan pembiakbaik di semua peringkat penternak dijamin akan dapat membangunkan industri ternakan ruminan sedia ada dan mengekalkan populasi pembiak sekaligus menggandakan populasi ternakan ruminan Negara. Mungkin sudah tiba masanya Jabatan bangun dan mengadakan satu Akta Ternakan Ruminan bagi dipatuhi oleh semua pengusaha yang mahu dikenali sebagai penternak lembu, kambing, kerbau dan bebiri di Malaysia.

*Dr Yahasmida binti Yaacob*  
*VO, IPPV*

## 4 OKTOBER : Kebajikan Haiwan

### 4.1 **Menggunakan Khidmat NGO untuk menangkap anjing liar**

Selain daripada menggunakan khidmat luar (*outsourcing*) agen sedia ada, pihak PBT boleh menggunakan perkhidmatan badan bukan kerajaan (NGO) seperti SPCA.

Pihak PBT boleh menggunakan perkhidmatan NGO dengan kadar bayaran tangkapan yang sama seperti yang diberikan kepada agen sedia ada.

Dengan ini, pihak NGO dijangka boleh menangkap anjing liar dengan cara berperikemanusiaan dan pihak Jabatan boleh memantau tangkapan yang dilakukan secara berkala.

*Dr Sia Juo Yiing*  
VO, IPPV

### 4.2 **Sediakan subjek kebajikan haiwan dalam silibus pembelajaran di sekolah rendah dan menengah**

Dapat menerapkan rasa tanggungjawab dan berperikemanusiaan terhadap haiwan sekaligus menjadikan warga Malaysia sebagai *animal loving community*.

*Dr Yahasmida binti Yaacob*  
VO, IPPV

### 4.3 **Memperkasakan Akta Haiwan atau menambahbaik enakmen yang sedia ada supaya bersesuaian dengan keadaan dan cabaran masa sekarang**

Antara perkara yang perlu diambil perhatian termasuklah bagaimana haiwan diproses untuk dijadikan makanan, digunakan untuk penyelidikan sains, ataupun dibela sebagai haiwan peliharaan dan bagaimana kegiatan manusia mempengaruhi spesis yang terancam.

*Shawirawan bin Ghazali*  
VA, PPVD Jelevu

#### 4.4 **Mewujudkan satu sistem pendaftaran sukarelawan - “DVS Voluntary Animal Welfare Assistant (VAWA)”**

Sukarelawan ini boleh mengikut keperluan di bawah penyeliaan/bertindak di atas arahan pegawai jabatan manjadi sumber tenaga dan kepakaran untuk membantu jabatan melaksanakan program kebajikan haiwan berikut:

- i) Menyediakan panduan-panduan dalam kempen kesedaran kebajikan haiwan seperti “*Responsible Pet Ownership*”, “*Canine Good Citizenship*”, “*Pet Ownership Registration*” dan “*How to make a complaint on animal cruelty*”.
- ii) Membantu dalam tugas menangkap, memindah dan menjaga haiwan dalam kes kezaliman terhadap haiwan dalam Negara.
- iii) Lain-lain program kebajikan haiwan mengikut keperluan.

*Soh Tian Siong*

*Peg. Penguatkuasa, IPPV*

#### 4.5 **Karnival Pengurusan Haiwan Setempat**

Pada karnival tersebut, pelbagai aktiviti boleh dijalankan seperti:

- i) penyerahan haiwan yang tidak diingini secara sukarela oleh pemilik
- ii) penyerahan haiwan terbiar atau tidak bertuan oleh orang awam
- iii) penangkapan kucing dan anjing terbiar di kawasan kejiranan secara “bersepadu” antara JPV/PBT/NGO dan penduduk setempat
- iv) perkhidmatan pemandulan haiwan secara percuma dan berdiskaun
- v) penerangan teknik penjagaan haiwan secara baik
- vi) perkhidmatan pemeriksaan/rawatan haiwan secara percuma atau berdiskaun

*Zaharinan bin Abd Aziz*

*Peg. Penguatkuasa, IPPV*

#### 4.6 **Kempen Kebangsaan Kesedaran Kebajikan Haiwan seperti “We Concern About Animal Welfare”**

Setiap warga DVS diberi taklimat mengenai kebajikan haiwan dan penguatkuasaan undang-undang mencegah kezaliman haiwan di Malaysia. Dengan ini, warga DVS boleh menjadi pegawai sumber untuk mengembangkan nilai ini kepada semua lapisan masyarakat.



Kemudian hasrat ini dikemukakan kepada semua kerajaan persekutuan dan negeri untuk difahami, disokong dan dipraktikkan di seluruh Negara.

Begitu juga agensi lain seperti Perhilitan, Jabatan Perikanan, Jabatan Perhutanan, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain diminta mengadakan seminar atau perhimpunan yang sama.

Selain dari itu, pihak industri (penternak, pemelihara, pemilik, pengangkut, penyembelih dan penjual) bagi setiap komoditi termasuk haiwan kesayangan dan rekreasi (seperti kuda) serta haiwan liar yang dipelihara di Zoo diberi taklimat dan peranan penting untuk menyokong dan melibatkan diri dengan mengikrar akan menjaga haiwannya secara berperikemanusiaan dan mementingkan kebajikannya.

Adalah diharapkan kempen ini juga boleh melibatkan pihak NGOs yang cintakan haiwan. Begitu juga dengan penghebahan kempen ini oleh media swasta dan kerajaan yang boleh membantu menyebabkan satu impak yang kuat kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa.

*Soh Tian Siong*  
*Peg. Penguatkuasa, IPPV*

## **5 NOVEMBER : Peraturan Untuk Membangunkan Industri Ternakan Unggas**

### **5.1 Mewajibkan setiap premis termasuk orang kampung yang membela ayam divaksin dengan vaksin ND**

Untuk mencegah daripada *Newcastle disease* menyebabkan kematian ayam yang tinggi. Juga dapat mengurangkan masalah dengan orang ramai kerana kebanyakan orang enggan memusnahkan ayam walaupun telah diberi arahan.

*Dr Ong Jin Seng*  
*VO, JPV Negeri Perlis*

### **5.2 Satu canopy satu premis**

Setiap premis unggas yang terletak bersebelahan dengan kawasan sawah perlu dipagar dan dipasang jaring di bahagian atas dan sekeliling untuk mengelakkan "*migratory birds*" yang berkemungkinan membawa penyakit seperti bangau.

*Dr Ong Jin Seng*  
*VO, JPV Negeri Perlis*

### 5.3 **Pemeliharaan kelompok baka-baka ayam**

Mewujudkan beberapa kawasan perkampungan di mana "satu baka ayam satu kampung" untuk menarik pelancongan selain memastikan Negara kita mempunyai variasi ayam yang berbeza. Baka ayam yang berlainan mempunyai daya ketahanan terhadap penyakit yang berlainan. Oleh itu, syarat ini juga memastikan sekiranya terdapat *outbreak* penyakit, mungkin akan ada baka ayam yang terselamat.

*Dr Ong Jin Seng*  
*VO, JPV Negeri Perlis*

## 6 **DISEMBER : Mengurangkan Harga Runcit Daging Lembu & Ayam**

### 6.1 **JPV membuka kebenaran import "karkas penuh"**

Di samping pengimportan daging dan keratin terpilih, gentian terbaik bagi menampung keperluan daging segar Negara pada harga yang berpatutan adalah melalui pengimportan "**karkas penuh**" sama seperti bebiri beku dari New Zealand.

Faedah

- i) Kos pengurusan pengeluaran daging kepada pengguna dapat dikurangkan
- ii) Kos tidak wajar pemain industri yang berlapis dapat dikurangkan

*Zaharinan bin Abd Aziz*  
*Peg. Penguatkuasa, IPPV*